



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

#### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018 SIRI 3**

#### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI TAHUN 2018 SIRI 3**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2018 dibentangkan secara bersiri di mana LKAN Siri 1 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 manakala Siri 2 telah dibentangkan pada 2 Disember 2019. Seterusnya, LKAN Tahun 2018 Siri 3 akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 14 Julai 2020 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan ini terdiri daripada 13 jenis buku, iaitu:
  - (a) Satu (1) buku melibatkan Kerajaan Persekutuan iaitu LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 3; dan



- (b) 12 buku melibatkan Kerajaan Negeri iaitu LKAN Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3 (tidak termasuk negeri Perlis yang tidak mempunyai laporan pada kali ini).
2. Pada kebiasaannya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan penambahan bilangan pengauditan yang dilaksanakan pada tahun 2018/2019. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan negeri.
  3. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara kebiasaannya akan memberi taklimat berhubung isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara [*Public Account Committee (PAC)*] di Parlimen. Pada pembentangan kali ini, taklimat kepada PAC tidak dapat dilaksanakan seperti amalan kebiasaannya kerana Pengerusi dan ahli PAC belum dilantik. Pembentangan LKAN Tahun 2018 Siri 3 kepada PAC akan hanya diadakan selepas urusan pelantikan Pengerusi dan ahli PAC diselesaikan.



4. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

**4.1. LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 3**

- (a) Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- (b) Bagi LKAN Tahun 2018 Siri 3, sebanyak 12 pengauditan prestasi bernilai RM742.476 bilion telah dilaksanakan melibatkan program/aktiviti/projek di 10 kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 pengauditan melibatkan kategori program/aktiviti, manakala satu (1) masing-masingnya melibatkan kategori pembinaan dan sistem/ICT.

- (c) Bilangan aktiviti yang diaudit dan dilaporkan pada LKAN kali ini mengikut kementerian adalah Jabatan Perdana Menteri (2 aktiviti), Kementerian Kewangan (2 aktiviti), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2 aktiviti) serta Kementerian Pendidikan (2 aktiviti). Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Kementerian Kerja Raya masing-masing 1 aktiviti manakala 2 aktiviti melibatkan Majlis Keselamatan Negara (bersama kementerian-kementerian lain).
- (d) Secara keseluruhannya, pelaksanaan program/aktiviti/projek Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat isu ketidakcekan dan ketidakakuran serta kelemahan dalam pengurusan program/aktiviti/projek yang menjejaskan kecekapan dan keberkesanannya untuk menghasilkan output, *outcome* dan impak seperti yang diharapkan. Dengan kata lain, program/aktiviti/projek tidak memberikan *outcome* atau impak yang optimum seperti diharapkan.
- (e) Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 63 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

#### **4.2. LKAN Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3**

- (a) Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 17 program/aktiviti/projek yang melibatkan 22 jabatan/agensi kerajaan negeri serta 13 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri. Keseluruhan bilangan kajian yang dilaporkan pada kali ini adalah 30, melibatkan 12 negeri, kecuali Perlis.
- (b) Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 122 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh jabatan/agensi negeri yang berkenaan.
5. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.
6. LKAN mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 3 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 14 Julai 2020 selepas jam 10 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 12 negeri

hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Isu-isu dalam LKAN Tahun 2018 Siri 3 juga akan dimuat naik di Portal *Auditor General's Dashboard* (AGD) pada 14 Julai 2020 mulai jam 3 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

14 Julai 2020